



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM

Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027

Tarikh : 18 Oktober 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 24 TAHUN 2019**

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk kepada Kenyataan UPSM bil. 37 Tahun 2018 bertarikh 14 Disember 2018 berkenaan cuti tanpa rekod sempena perayaan hari Deepavali bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu. Kerajaan telah bersetuju supaya Pegawai Perkhidmatan Awam **yang menganut agama Hindu** diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari bagi perayaan Hari Deepavali iaitu hari berikutnya sebagai tambahan cuti umum Hari Deepavali yang berkuatkuasa mulai tahun 2018 untuk memberi ruang kepada pegawai menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga Khas LGM ke-118 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/35 Jld.8(10) Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang Menganut Agama Hindu berkuatkuasa 7 November 2018.

4. Pada tahun 2019, perayaan Hari Deepavali disambut pada 27 Oktober 2019 (Ahad). Oleh itu, hasil semakan pihak UPSM dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan cuti tanpa rekod pada tahun 2019 menyatakan :

"Prinsip cuti iaitu hari yang diluluskan bercuti termasuk Cuti Tanpa Rekod adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja dan tidak boleh dibawa kepada hari berikutnya. Hanya cuti hari kelepasan am yang jatuh pada hari kelepasan mingguan dibenarkan untuk dibawa ke hari berikut menjadi hari kelepasan am yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3, Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369).

Sehubungan dengan itu, cuti tanpa rekod bagi hari kedua perayaan Deepavali pada 28 Oktober 2019 (Isnin) yang juga merupakan hari kelepasan am tidak boleh dibawa kepada 29 Oktober 2019 (Selasa)"

5. Oleh itu, dalam hal ini, bagi:
 - a. Negeri-negeri yang hari kelepasan mingguan adalah hari Ahad, maka Cuti Tanpa Rekod Hari Deepavali adalah jatuh pada hari Isnin, 28 Oktober 2019 iaitu hari yang sama dengan hari kelepasan am yang diganti dengan hari bekerja yang berikutnya dan;
 - b. Negeri-negeri yang hari kelepasan mingguan adalah hari Jumaat (Kedah/Perlis/Terengganu/Kelantan/Johor), maka Cuti Tanpa Rekod Hari Deepavali adalah jatuh pada hari Isnin (28 Oktober 2019). Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang beragama Hindu hendaklah mengemukakan memo permohonan Cuti Tanpa Rekod kepada UPSM untuk tindakan selanjutnya.
6. Cuti Tanpa Rekod sempena Perayaan Hari Deepavali adalah terpakai bagi semua negeri di Malaysia kecuali Sarawak, kerana Hari Deepavali bukan merupakan hari kelepasan am di negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)

s.k: Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian